

▼25/11/19-09HST

CNS0492

U PB 25-11 00150 BH600

BAH

Mahathir - PBDS

PERDANA MENTERI SAMBUT BAIK BN SARAWAK TERIMA KEMBALI PBDS

PEKAN, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini menyambut baik langkah Barisan Nasional Sarawak (BN3) untuk menerima kembali Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) sebagai anggota komponennya,

Perdana Menteri berkata, BN pusat tidak mempunyai sebarang masalah berkaitan keputusan itu kerana "Kerajaan Pusat tidak menolak PBDS."

Perbezaan kedudukan di Sarawak itu, katanya, berlaku kerana masalah tertentu pada peringkat negeri tetapi keadaan itu kini berubah setelah PBDS menunjukkan minat serta membuktikan kesetiaannya kepada BN negeri.

"Saya fikir di mana-mana tempatpun kita disuruh memaafkan orang. Kita tidak boleh marah sampai kiamat," katanya kepada pemberita ketika ditanya reaksinya mengenai kemasukan semula PBDS dalam BN3 secepat mungkin dengan syarat tertentu.

Keputusan penerimaan semula PBDS dengan beberapa syarat itu dicapai pada mesyuarat peringkat tertinggi BN3 di Kuching semalam. -- Lagi.

▼25/11/19-34HST

CNS0495

U PB 25-11 00075 BH601

BAH

Mahathir - PBDS 2 (Akhir) Pekan

Semasa ditanya sama ada kenyataannya itu turut memberi implikasi bahawa kaedah yang serupa boleh digunakan bagi membolehkan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN, Dr Mahathir berkata, itu bergantung kepada syarat-syarat tertentu.

"Kalau kena syarat-syaratnya, kita sudah katakan daripada awal, PBS boleh diterima."

"Tengku Razaleigh (Hamzah) pun kalau hendak masuk balik UMNO, kita terima," kata beliau. -- Bernama.

JO KAM.

▼25/11/19-35HST